

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) adalah koperasi Apex yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. ANGKASA melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi. ANGKASA terus menjalankan khidmat teras iaitu menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC.

Sekiranya anda seorang yang berdedikasi, bermotivasi tinggi dan inginkan persekitaran kerja yang stabil dan berdaya-saing, anda dipelawa menyertai kami dengan mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

1. Nama Jawatan : PENGURUS (KONTRAK) – IBU PEJABAT

**SEKSYEN PORTAL & E-DAGANG
(KUMPULAN KEWANGAN KORPORAT)**

Kelayakan / Pengalaman

**ii) SEKSYEN PORTAL & E-DAGANG
KUMPULAN KEWANGAN KORPORAT**

- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan, Pemasaran, Teknologi Maklumat dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan **10 tahun pengalaman (keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai Ijazah Sarjana).**
- Pengalaman dalam e-dagang, pemasaran digital, teknologi maklumat dan pengurusan portal web.
- Mempunyai kemahiran analitikal yang tinggi, kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah yang baik.

Bidang Tugas

- Mengurus dan memastikan kumpulan kerja Seksyen Pembangunan Sistem & Aplikasi mematuhi standard dalam menyelenggara perkhidmatan teknikal dalaman ANGKASA.
- Memberi idea dan perancangan framework sesuatu projek teknikal sebelum mengarahkan pembangunan sistem kepada kumpulan pembangunan / pengaturcaraan yang berkenaan dengan pembangunan berasaskan Filemaker, PHP, ASP.net, MySQL, SQL Server, JavaScript (JS), HTML, Python, Laravel dan lain-lain.
- Bertanggungjawab kepada pegawai bawahan ke atas isu-isu dan masalah teknikal kritikal yang perlu penyelesaian segera serta memberi cadangan penyelesaian.
- Mengurus, memantau dan mengawalselia tugas pegawai bawahan berkenaan kesiapsiagaan server utama perkhidmatan iaitu cloud base.angkasa.coop & mykoperasi.coop serta mencari solusi kepada kebarangkalian permasalahan teknikal yang wujud.



- Mengurus, memantau dan mengawalselia pembangunan projek laman web dalaman seperti yayasan infaq, laman web MAN & MAPA serta projek-projek yang bakal dibangunkan.
- Mengurus perkhidmatan sistem pendaftaran & kiraan undi bagi Mesyuarat Agung Negeri ANGKASA dan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA serta acara dalaman yang berkaitan.
- Mengurus projek data raya ANGKASA dengan memberi idea, solusi dan penyelesaian teknikal kepada kumpulan pembangunan sistem serta menasihati pengurusan berkenaan hal-hal pembangunan yang melibatkan data sains, perubahan teknologi dan sebagainya.
- Mengurus dan mengatur kumpulan kerja bagi program latihan teknikal berkenaan projek data raya ANGKASA dan koperasi serta projek berpotensi dalam menggerakkan digitalisas koperasi merujuk kepada pelan DIGIKOP.
- Mengurus, memantau, mengawalselia, menyemak pencapaian KPI Seksyen Pembangunan Sistem dan Aplikasi serta menasihati dan memberi cadangan solusi kepada pegawai yang berkenaan.
- Menasihati pengurusan dalam aspek perubahan dan perkembangan teknologi yang memerlukan transformasi dalaman berkaitan IT dilaksanakan untuk mengatasi risiko-risiko.

2. Nama Jawatan : PENGURUS ANGKASA NEGERI (KONTRAK)

**PEJABAT ANGKASA NEGERI PAHANG II (TENGAH)
BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN /
SEKSYEN ANGKASA NIAGA (JPAN & ANAK SYARIKAT)
(KUMPULAN PERNIAGAAN KOPERASI)**

Kelayakan / Pengalaman

- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam / Pentadbiran Perniagaan / Ekonomi dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta 3 tahun pengalaman.
- Mempunyai kemahiran analitikal yang tinggi, kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah yang baik.
- Mempunyai pengalaman dalam bidang Sektor Koperasi, Pengurusan Strategik, Perniagaan dan Kewangan adalah diutamakan.

Bidang Tugas

- Membina kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta serta melaksanakan aktiviti penajaan pendapatan.
- Mengemaskini daftar keanggotaan koperasi ANGKASA di peringkat negeri berdasarkan status, sektor, dan aktiviti.
- Merancang, menyelaras, dan memastikan kelancaran proses Mesyuarat Agung Negeri (MAN).
- Bertanggungjawab menjalankan Projek Perniagaan Negeri.
- Memantau dan melaporkan pencapaian KPI serta menyediakan laporan perkembangan ANGKASA Negeri Pahang II (Tengah).

3. Nama Jawatan : PENOLONG PEGAWAI (KONTRAK)

**PEJABAT ANGKASA NEGERI PAHANG 1 (TIMUR)
BAHAGIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN /
SEKSYEN ANGKASA NIAGA (JPAN & ANAK SYARIKAT)
(KUMPULAN PERNIAGAAN KOPERASI)**

Kelayakan / Pengalaman

- Berkelulusan Sijil Matrikulasi / STPM / Sijil Kemahiran Tahap 3 yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Mempunyai kemahiran analitikal yang tinggi, kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah yang baik.
- Bersedia melakukan tugas di luar kawasan termasuk pada hujung minggu.

Bidang Tugas

- Bertanggungjawab membantu Pegawai Pembangunan dalam melaksanakan program pembangunan koperasi dalam projek perniagaan ANGKASA dan Negeri.
- Membantu Pegawai mengumpul dan mengemaskini data aktiviti perniagaan dan hasil *output* koperasi yang terlibat dengan projek perniagaan ANGKASA.
- Membantu Pengurus ANGKASA Negeri (PAN) dalam merancang, mengatur dan menyelaraskan program-program seminar, bengkel, symposium serta lain-lain.
- Membantu Pengurus ANGKASA Negeri (PAN) dalam kempen keanggotaan ANGKASA dan memastikan pencapaian sasaran keanggotaan baru.


Individu yang berkeelayakan dipelawa memohon dengan mengemukakan surat permohonan dan menyatakan jawatan yang dipohon berserta butiran peribadi terperinci (resume/cv) yang mengandungi maklumat kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran, kualiti personal, gaji semasa, gaji dipohon serta salinan sijil-sijil akademik / berkaitan dan gambar terbaru berukuran pasport kepada :

**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
Wisma Ungku A.Aziz, Jalan SS
6/1 Peti Surat 8797,
Pejabat Pos Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor
(U/P : Pengurus Besar, Bahagian Pembangunan Sumber
Manusia Dan Tadbir Urus)
Melalui e-mel :
recruitment@angkasa.com**

<https://www.jobstore.com/my>

**TARIKH IKLAN : 18 NOVEMBER 2024
TARIKH TUTUP : 2 DISEMBER 2024**

WAHWAR/SZAB/RMJ/ZMG/HH/chek:112024_iklanluaran



**WAN ABDUL HALIM BIN
WAN ABDUL RAZAK**
Pengurus Besar
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
dan Tadbir Urus
ANGKASA